

07 NOV 2003

MIC-Sejarah/I (Analisis Berita)

SEJARAH AKAN DICIPTA PADA PERHIMPUNAN TERBESAR MIC

Oleh: S.Retnanathan

KUALA LUMPUR, 7 Nov (Bernama) -- Konvensyen Jentera Pilihan raya MIC yang dijadual Ahad ini di Shah Alam boleh dikatakan mencipta sejarah sendiri bagi parti itu.

Ia bukan sahaja perhimpunan terbesar para pemimpin MIC, tetapi juga merupakan pertama kali lebih daripada 10,000 anggota parti akan hadir di bawah satu bumbung untuk memberikan mandat penuh kepada presiden parti Datuk Seri S. Samy Vellu terus memimpin, menerajui parti.

Pemimpin MIC yang bakal hadir ialah kesemua 4,300 pengerusi cawangan, ketua bahagian, ketua-ketua negeri dan pemimpin peringkat nasional. Mereka akan membuat resolusi menggesa bagi penerusan kepimpinan Menteri Kerja Raya itu terutama dalam mengemudi jentera pilihan raya MIC.

Dua lagi resolusi yang akan dibuat ialah mengucapkan terima kasih kepada bekas perdana menteri Tun Dr Mahathir Mohamad dan yang kedua menyatakan ikrar sokongan dan kesediaan parti memberikan kerjasama penuh kepada Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Samy Vellu minggu lepas berkata konvensyen itu bertujuan menggerakkan kekuatan MIC dalam menghadapi pilihan raya umum dan merencana strategi pilihan raya.

Setiausaha Agung Umno Tan Sri Khalil Yaakob dan Menteri Besar Selangor Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo dijangka akan membentangkan kertas kerja pada konvensyen sehari itu.

Sementara perbincangan mengenai pilihan raya umum, ucapan terima kasih kepada Dr Mahathir dan ikrar sokongan kepada Abdullah yang mengambil alih kepimpinan negara pada 31 Nov, dilihat sebagai sesuai pada konvensyen itu, satu persoalan berbangkit.

Kenapa para pemimpin MIC di semua peringkat perlu meluluskan satu resolusi mahukan pemimpin parti itu meneruskan kepimpinannya sedangkan Samy Vellu menang tidak bertanding sebagai presiden MIC bagi rekod sembilan penggal lapan bulan lepas?

Lagi pula sejak pindaan kepada perlembagaan MIC tahun lepas, presiden parti dipilih oleh 4,300 pengerusi cawangan dan bukannya pemimpin bahagian seperti yang diamalkan dalam kebanyakan parti politik lain.

Beberapa pemerhati MIC merasakan langkah meluluskan resolusi menyokong Samy Vellu itu ialah untuk menunjukkan kepada pemimpin politik tertentu dan kepada "sesetengah" orang besar MIC bahawa pemimpin berusia 67 tahun itu masih begitu popular dan diperlukan.

Pertengahan bulan lepas, sejurus sebelum persaraan Dr Mahathir, Presiden Barisan Progresif India (IPF) Datuk M.G. Pandithan membuat kenyataan pedas yang membangkitkan kemarahan anggota MIC di semua peringkat.

Bekas naib presiden MIC itu mahu ketua parti politik terbesar kaum India di negara ini meletakkan jawatan dan memberi laluan kepada pemimpin muda.

Pandithan juga berkata adalah lebih mudah bagi IPF, parti serpihan MIC, menyertai Barisan Nasional jika Samy Vellu tidak lagi berkuasa dan menegaskan jika timbalan presiden MIC Datuk S. Subramaniam yang memimpin MIC, maka mudah bagi IPF untuk menduduki kerusi Dewan Tertinggi BN.

Sebaik kenyataan itu dibuat, pelbagai komen diterima mempertahankan Samy Vellu dan menggesa beliau kekal di tempatnya. Naib Presiden MIC -- Datuk S. Veerasingham, Datuk G. Palanivel dan Tan Sri K.S. Nijhar -- turut menegaskan bahawa parti memerlukan Smay Vellu.

Presiden Parti Progresif Penduduk (PPP) Datuk M. Kayveas turut mempertahankan pemimpin MIC itu dengan berkata Samy Vellu merupakan satu-satunya pemimpin yang berwibawa buat masa ini untuk memperjuangkan isu-isu melibatkan masyarakat India di negara ini.

Bagaimanapun Subramaniam memilih untuk berdiam dari dalam isu itu sehingga didesak media supaya memberikan jawapan. Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna itu telah menjadi timbalan presiden MIC sejak 1981.

Semasa bersuara, beliau bukan mempertahankan "bosnya" sebaliknya meminta Kaveas yang menyokong Samy Vellu supaya tidak mencampuri urusan parti. Kepada Pandithan pula tiada kritikan tajam ditujukan.

Ini membuatkan pakar-pakar isu merumuskan bahawa Subramaniam bermain politik kerana beliau tidak menyatakan sokongan penuhnya kepada Samy Vellu juga tidak membidas Pandithan kerana membuat gesaan itu.

Resolusi yang akan diterima konvensyen itu, mengikut kepercayaan pemerhati politik, ialah satu cara bagi presiden parti berkenaan menghantar isyarat jelas bahawa "anggota MIC tetap bersama beliau" dan sebarang campurtangan luar tidak diperlukan.

Ia juga satu tamparan kepada Pandithan yang cuba membuat komen sedemikian terhadap MIC dan kepimpinannya, kata seorang anggota jawatankuasa kerja pusat MIC.

-- BERNAMA
SR AZZ RON